

# Pelajar baharu UMS santuni 20 keluarga asnaf melalui aktiviti YOSH

VB 19.9.2019 7

KOTA KINABALU: Sera-mai 78 sukarelawan Youth of Strength and Happiness (YOSH) yang terdiri dari-pada mahasiswa baharu Uni-versiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengikuti program Kembara Hijrah Merdeka (KHM) yang berlangsung di Masjid Bandaraya dan Pulau Gaya, baru-baru ini.

Program KHM yang julung kali diadakan itu merupakan anjuran Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) Sabah bersama YOSH Sabah.

Pengarah program yang juga pelajar Kejuruteraan Awam UMS, Muhammad Nazrin Shah Laming, 20, berkata, tujuan program adalah untuk memaknai erti kemerdekaan serta membentuk jati diri dalam diri setiap para



**PENGALAMAN BAHARU:** Gambar kenangan sukarelawan YOSH bersama penduduk kampung.

sukarelawan YOSH dengan menyantuni golongan asnaf di Pulau Gaya.

“Bersempena Hari Ma-laysia, kami mengambil ini-siatif menganjurkan program KHM ini untuk mengajak para sukarelawan memaknai

erti kemerdekaan di samping memberikan pendedahan kepada kesusahan hidup go-longan asnaf di Pulau Gaya,” katanya.

Dua puluh keluarga asnaf yang terpilih telah menerima bantuan keperluan barang

asas dapur yang diagihkan oleh para sukarelawan YOSH dalam slot YOSH Hom-evisit.

“Pihak kami juga men-gadakan aktiviti gotong-royong mengutip sampah bersama penduduk di sekitar

kawasan Kampung Lok Urai bagi memberikan kesedaran alam sekitar kepada para su-karelawan YOSH,” tambah Muhammad Nazrin.

Seorang sukarelawan, Nur Artikah Nabilah Mohamad Anazim, 19, pelajar UMS, gembira kerana dapat meny-ertai program itu.

“Program ini sangat bagus

kerana kami dapat menger-atkan hubungan silaturahim sesama kami. Ini merupakan satu pengalaman baharu bagi saya kerana buat pertama kalinya saya melihat sendiri kesusahan hidup yang mereka hadapi.

“Sesungguhnya, masih ter-dapat ramai lagi masyarakat di luar sana yang lebih susah

dan memerlukan perhatian daripada kita semua,” ka-tanya.

Bagi yang ingin mengetahui aktiviti sukarelawan YOSH, boleh melayari laman Face-book dan Instagram di YOSH Sabah. Hubungi wakil YOSH (Syafiqah - 0136554497) jika berminat untuk menyertai aktiviti sukarelawan YOSH.



**BANTU:** Sukarelawan YOSH mengagihkan barang keperluan asas dapur kepada keluarga asnaf.



**MEMBENTUK JATIDIRI:** Sukarelawan YOSH men-gutip sampah bersama penduduk kampung.